



**PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK
KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Keterangan Aset	No. Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan	Deposit Sebut Harga
Jenis Aset: Toyota Model: Land Cruiser CBA-UZJ200W No. Casis: UZJ200-5038023	QSG888	Satu unit	RM15,000.00	5 % daripada harga tawaran

2. Aset boleh dilihat pada **4.9.2026 (Jumaat) hingga 11.9.2026 (Jumaat)** hari bekerja di antara jam **10:00 pagi - 1.00 petang** dan **2:00 - 4:00 petang (Isnin-Khamis)**, **10:00-11:30 pagi** dan **2.30 - 4.00 petang (Jumaat)** di **tempat parkir, Kompleks Bangunan Sultan Iskandar**.

3. Janji temu hendaklah dibuat terlebih dahulu dengan menghubungi pegawai berkenaan:

- i) Puan Christina anak Langgong-082-233 239
ii) Cik Jong Hui Fung - 082 255 085

4. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperoleh di alamat seperti di para 5. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
5. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda No. Sebut Harga SUPS(S).400-5/7/96 dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat:-

**Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak
Tingkat 3, Bangunan Sultan Iskandar
Jalan Simpang Tiga, 93300 Kuching, Sarawak**

6. Tarikh tutup sebut harga pada 11.9.2026 (Jumaat) jam 12:00 tengah hari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

.....
(Dato Ahmad Nadzri bin Mohd Hassan)
Setiausaha Persekutuan Sarawak

Alamat: Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak
Tingkat 3 & 17, Bangunan Sultan Iskandar
Jalan Simpang Tiga, 93300 Kuching, Sarawak

Tarikh: 2/9/26
Cap:



SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **(Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak)**.
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu satu minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh tujuh hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.